

13 SEP 2001

BSKL-PELABUR

KEAT SENG: PELABUR-PELABUR HARUS AMBIL PANDANGAN JANGKA PANJANG BAGI BSKL

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Pelabur-pelabur termasuk pelabur runcitan, seharusnya mengambil pandangan jangka panjang bagi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kata ketua pegawai eksekutif Commerce Trust Bhd, Yeoh Keat Seng.

Beliau berkata kebanyakan pelabur cenderung lebih emosional dan mengambil pendekatan jangka pendek terutama apabila harga turun naik dan berada dalam keadaan meningkat.

Misalnya, beliau berkata pelabur-pelabur yang sering mengambil pandangan jangka pendek selalunya merasakan mereka sepatutnya menunggu harga naik lebih tinggi sebelum menjual ketika pasaran meningkat atau harga turun lebih lanjut apabila membeli sekiranya pasaran jatuh.

Sikap tamak, katanya, sering membayangi keputusan pelaburan seseorang.

Yeoh juga berkongsi pendapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa BSKL adalah untuk pelabur-pelabur yang serius dengan tinjauan strategik dan niat ikhlas untuk membuat pelaburan jangka panjang yang menguntungkan.

Baru-baru ini Perdana Menteri menyatakan Malaysia berusaha keras untuk membina satu pasaran modal yang mempamerkan satu bentuk hipotesis pasaran-cekap yang kukuh di mana harga-harga saham dalam pasaran akan mencerminkan semua maklumat tersedia dan tiada sebarang dagangan berasaskan khabar angin.

Yeoh, yang yakin BSKL akan bertambah baik dalam tempoh tiga tahun akan datang merasakan pihak berkuasa telah mengambil langkah yang wajar dengan menutup BSKL sehari, semalam.

Langkah seumpama itu telah berjaya mengelakkan kejatuhan besar di BSKL akibat penurunan di bursa-bursa lain berikutan serangan ganas di New York dan Washington.

BSKL, yang susut sebanyak 46 mata pagi ini, pulih semula untuk ditutup hari ini pada at 664.62, turun 26.02 mata daripada Selasa. Indeks Komposit BSKL dibuka rendah pada 29.55 mata kepada 660.99 mata, hari ini.

Commerce Trust, usaha saham antara Commerce Group adan BT Financial Group, ketika ini menguruskan tujuh jenis dana.

Sehingga 21 Julai tahun ini, Commerce Trust menguruskan lebih RM785 juta dana mewakili lebih 50,000 syarikat dan individu swata. -- BERNAMA

SHY MR ZK